



PENGENALAN

1. Unit Peperiksaan Perkhidmatan, Cawangan Latihan dan Kompetensi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diwujudkan bagi merancang, membangun, melaksana dan menambahbaik pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan Awam bagi Anggota Kumpulan Pelaksana lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan bagi Gred 19.
2. Secara umumnya Peperiksaan Perkhidmatan Awam terbahagi kepada dua iaitu Subjek Jabatan dan Subjek Umum. Bagi Subjek Jabatan akan dikendalikan oleh KPM manakala Subjek Umum pula dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
3. Peperiksaan yang dijalankan oleh Unit Peperiksaan Perkhidmatan merangkumi lima (5) Skim Perkhidmatan dan 10 kertas peperiksaan seperti berikut:

Bil	Skim Perkhidmatan	Kertas Peperiksaan	Bahagian
i.	Pembantu Pengurusan Murid Gred N19	Pembantu Pengurusan Murid (Asrama)	B
		Pembantu Pengurusan Murid (Prasekolah)	B
		Pembantu Pengurusan Murid (Pendidikan Khas)	B
ii.	Pembantu Makmal Gred C19	Pembantu Makmal	B
		Pembantu Makmal	C
iii.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	B
		Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	C
iv.	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19	Pembantu Tadbir (Kewangan)	B
		Pembantu Tadbir (Kewangan)	C
v.	Penyelia Asrama Gred N19	Penyelia Asrama	B

4. Jadual di bawah pula menerangkan tentang struktur soalan bagi Peperiksaan Perkhidmatan Awam anjuran KPM:

BIL	KERTAS PEPERIKSAAN	BAHAGIAN	KAEDAH PENILAIAN
i.	Pembantu Pengurusan Murid (Asrama)	B	Aneka Pilihan
ii.	Pembantu Pengurusan Murid (Prasekolah)		
iii.	Pembantu Pengurusan Murid (Pendidikan Khas)		
iv.	Pembantu Makmal		
v.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)		
vi.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)		
vii.	Penyelia Asrama		
viii.	Pembantu Makmal	C	Subjektif
ix.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)		Ujian Kemahiran Automasi Pejabat (UKAP)
x.	Pembantu Tadbir (Kewangan)		

5. Peperiksaan Perkhidmatan Awam ini adalah merupakan salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan selaras dengan Perenggan 29 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 iaitu:

“Pegawai yang dalam tempoh percubaan yang telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa adalah layak disahkan dalam perkhidmatan oleh Suruhanjaya.”

6. Oleh itu, penubuhan unit ini adalah bagi memastikan syarat pengesahan dalam perkhidmatan dapat dilaksanakan.

7. Manakala berdasarkan perenggan 10(ii)(b) Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 3 Tahun 2018 Tatacara Pengesahan Dalam Perkhidmatan memperuntukkan bahawa Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dalam tempoh percubaan layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah memenuhi syarat seperti berikut:

Skim Perkhidmatan	Syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan
<p>Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) bagi skim perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) ii. Pembantu Tadbir (Kewangan) iii. Pembantu Makmal iv. Penyelia Asrama v. Pembantu Pengurusan Murid (Asrama/Prasekolah/Pendidikan Khas) 	<ul style="list-style-type: none"> (a) Menjalani percubaan bagi tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun; (b) Hadir dengan jaya Kursus Induksi (Modul Umum)/ PTM; (c) Lulus peperiksaan perkhidmatan seperti yang disyaratkan mengikut skim perkhidmatan; (d) Diperaku oleh Ketua Jabatan; dan (e) Syarat-syarat lain yang diperuntukkan dari semasa ke semasa (jika ada).

Sebarang pertanyaan berkaitan urusan peperiksaan perkhidmatan awam boleh dirujuk kepada:

Kementerian Pendidikan Malaysia
 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
 Cawangan Latihan dan Kompetensi
 Aras 4, Blok E12, Kompleks E
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
 (u.p.: Unit Peperiksaan Perkhidmatan)
 No. Telefon : 03- 8884 7820 /7699/7911
 Faks : 03-8884 7925
 E-mel : sisppa@moe.gov.my

Disediakan oleh:

**Unit Peperiksaan Perkhidmatan
 Cawangan Latihan dan Kompetensi
 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
 Kementerian Pendidikan Malaysia**